

28 MAR 2001

Cukai

LHDN AKAN GANDAKAN USAHA KUTIP CUKAI PENDAPATAN

KUALA LUMPUR, 28 Mac (Bernama) -- Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) yang mengutip cukai pendapatan sebanyak RM29.155 bilion tahun lepas, akan bekerja lebih gigih bagi memastikan jumlah kutipan tidak terjejas akibat kesan kelembapan ekonomi Amerika Syarikat.

Ketua Eksekutifnya, Datuk Zainol Abidin Abdul Rashid berkata sasaran LHDN tahun ini ialah untuk mengatasi kutipan tahun 2000 dengan pelbagai langkah yang telah diatur.

"Kami akan bekerja dengan lebih tekun dan pintar. Pegawai-pegawai kami akan memastikan yang kami akan mencapai atau melebihi kutipan tahun lepas," katanya kepada pemberita selepas merasmikan majlis pengenalan dan latihan mengisi borang cukai pendapatan syarikat di sini hari ini.

Katanya, LHDN akan berusaha mengesan mereka yang tidak melaksanakan tanggungjawab sebagai pembayar cukai dan mempertingkatkan tindakan terhadap mereka.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan beberapa langkah bagi meneruskan pemulihan ekonomi negara berikutan jangkaan kelembapan ekonomi Amerika Syarikat tahun ini. Antara langkah itu ialah rancangan fiskal tambahan berjumlah RM3 bilion kepada Belanjawan 2001.

Kerajaan juga mengumumkan pengurangan caruman pekerja kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sebanyak dua peratus.

Mengenai kesan pemotongan sumbangan kepada KWSP ke atas kadar pembayaran cukai, Zainol berkata pihaknya akan menyemak kadar sedia ada tetapi beliau yakin kesannya amat minimal.

Zainol juga berkata kira-kira 240,000 syarikat membayar cukai tahun lepas dan beliau yakin jumlahnya akan terus meningkat setiap tahun hasil beberapa langkah pemulihan yang diambil kerajaan.

Beliau juga berkata LHDN telah memberi kelonggaran kepada syarikat dengan memberi tempoh lapan bulan berbanding enam bulan sekarang untuk mengembalikan Borang C.

Katanya, borang cukai pendapatan bagi syarikat mengikut sistem taksir sendiri mula dilaksanakan tahun ini dan akan diperluaskan kepada kategori lain secara berperingkat-peringkat termasuk individu pada tahun 2004.

"Dengan pelaksanaan sistem ini, pegawai-pegawai kami boleh menumpukan kepada audit luaran termasuk audit di premis perniagaan," katanya.

-- BERNAMA

AR AZZ NMO